**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**
**JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

# PERATURAN PEMARKAHAN
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
# 2016

---

# TASAWWUR ISLAM
# KERTAS1 DAN 2

---

**Skima Soalan Kertas 1 Tasawwur Islam Percubaan SPM 2016**

**BAHAGIAN A**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | B | 2. | C | 3. | D | 4. | B | 5. | D |
| 6. | B | 7. | D | 8. | C | 9. | C | 10. | A |
| 11. | B | 12. | C | 13. | A | 14. | A | 15. | A |
| 16. | D | 17. | A | 18. | D | 19. | C | 20. | B |

**BAHAGIAN B**

21 Ajaran sesat

22 Manipulasi

23 Zakat

24 Qisas

25 Dhaif

26 Rabaniyyah

27 Alamiyyah

28 Musyarakah

29 Ekonomi / Muamalah

30 Jenayah / Perundangan

31 Fardu kifayah

32 Fardu ain

33 Qisas / Diat

34 Qisas / Diat

35 Ijarah

36 Rahn

37 ✓

38 X

39 ✓

40 X

**Skima Soalan Kertas 2 Tasawwur Islam Percubaan SPM 2016**

| SOALAN | | | SKEMA | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | **Maksud Uluhiyyah ialah**<br>keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, dipatuhi dan ditaati segala perintahnya. | (1 X2 = 2m) |
| | | (ii) | **Dua Konsep Uluhiyyah**<br>1. Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati (1m) segala perintahnya (1m)<br>2. Paksi utamanya (1m) ialah kalimah syahadah (1m)<br>3. Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah (1m) dianggap sesat (1m) | (2X 2 = 4m) |
| | (b) | (i) | **Peranan mukjizat para rasul :**<br>1. Untuk membuktikan kebenaran para nabi dan rasul / adalah utusan daripada Allah SWT /contohnya mukjizat al-Quran / dengan itu akan mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap ajaran yang dibawa oleh para Rasul<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| | | (ii) | **Dua keistimewaan al-Quran sebagai mukjizat yang paling agung:**<br>1. Gaya bahasanya (1m) tidak boleh ditandingi oleh manusia(1m).<br>2. Membaca al-Quran(1m) merupakan satu ibadat(1m)<br>3. Kandungannya kekal (1m) sehingga kiamat(1m).<br>4. Ajarannya meliputi (1m) semua urusan dunia dan akhirat | (2 X 2= 4m) |
| | (c) | (i) | **Dua cara memulihara alam yang telah rosak:**<br>1. Menanam semula pokok-pokok / yang telah ditebang<br>2. Menimbus kawasan lombong / yang telah ditinggalkan / tebus guna semula<br>3. Menguatkuasakan larangan aktiviti memburu /bunuh binatang liar<br>4. Membersihkan sungai / mencantikkannya<br>5. Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar / tentang pemuliharaan alam sekitar<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | (2X2 = 4m) |
| | | (ii) | **Dua Kepentingan hadis kepada al-Quran**<br>1. Menguatkan hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran / contohnya mengenai kewajipan solat yang diterangkan cara-cara mendirikan solat oleh rasulullah melalui hadis baginda<br>2. Menghuraikan dan menjelaskan nas-nas al-Quran yang mujmal atau umum / contohnya hadis menerangkan jenis harta yang diwajibkan zakat, kerana al-Quran hanya memerintahkan untuk mengeluarkan zakat tapa memperincikannya.<br>3. Mentakhsiskan atau mengkhususkan maksud nas yang umum / contohnya mengenai pembahagian pusaka tidak termasuk kepada anak-anak nabi sedangkan nas al-Quran menyatakan bahawa pusaka mestilah dibahagikan mengikut kaedah yang telah ditetapkan. | (2X2 = 4m) |
| 2 | (a) | (i) | **Maksud Rabbaniyyah ialah:**<br>Segala hukum/konsep/prinsip/nilai/ yang terdapat dalam Islam adalah bersumberkan wahyu. | (1 X2 = 2m) |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara untuk menghayati sifat Rabbaniyyah ialah:<br>1. Berusaha untuk mencapai keredaan Allah dengan melakukan ibadat wajib(1m) seperti sembahyang(1m).<br>2. Beriman dengan semua rukun iman (1m) seperti percaya kepada Malaikat.<br>3. Meninggalkan larangan Allah(1m) seperti minum arak(1m)<br>4. Berjihad kerana Allah(1m) untuk menegakkan syiar Islam(1m)<br>5. Berakhlak mulia (1m) supaya hidup harmoni (1m)</td><td>(2 X2 = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(B)</td><td>(I)</td><td>Dua hak asasi yang dijaga oleh Islam seleras dengan konsep Alamiyyah Ialah<br>1. Hak untuk mendapatkan pendidikan<br>2. Hak untuk mendapatkan rawatan kesihatan<br>3. Hak untuk mengamalkan ajaran dan kepercayaan agama<br>4. Hak untuk bersuara</td><td>(1X 2=2m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Kesan jika hak asasi tidak diberikan kepada manusia:<br>1. Manusia akan memberontak / kerana mereka tidak dapat menikmati keperluan asas kehidupan mereka / seperti kebebasan bersuara / dengan itu negara akan menjadi huru hara.<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Dua perkara tetap dan tidak boleh berubah dalam ajaran Islam ialah:<br>1. Perkara akidah seperti kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa<br>2. Hukum wajib, haram, makruh dan sunat<br>3. Kewajipan beribadat seperti wajib mendirikan solat.<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>(1X 2=2m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Perkaitan antara murunah dengan thabat dalam perkara berikut
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Perkara</th><th>Thabat</th><th>Murnah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Solat</td><td>Wajib didirikan</td><td>Cara mendirikan solat boleh berubah mengikut kesesuaian keadaan manusia. Contohnya boleh mengqasar atau menjamakkan solat jika bermusafir</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Pakaian</td><td>Wajib menutup aurat</td><td>Dibenarkan berfesyen mengikut perkembangan terkini tetapi mestilah menutup aurat</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bekerja</td><td>Wajib bekerja</td><td>Dibenarkan bekerja dalam pelbagai bidang asalkan halal dan menepati tuntutan syarak</td></tr>
</table></td><td>(3 X 2 = 6M)</td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Empat prinsip negara Islam ialah :<br>1. Musyawarah (as-syura)<br>2. Keadilan (al-'adalah)<br>3. Kebebasan (al-hurriyyah)<br>4. Persamaan (al-musawah)</td><td>(4 X1 = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua peranan Rasulullah berdasarkan Perlembagaan Madinah:<br>1. Rasulullah sebagai ketua negara yang menguruskan negara<br>2. Rasulullah bertanggungjawab dalam semua hubungan diplomatik<br>3. Rasulullah menjadi rujukan apabila berlaku perselisihan dalam negara<br>4. Rasulullah menjadi ketua angkatan tentera yang memerintah entera</td><td>(2X2 = 4m)</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 5. Rasulullah menjadi ketua agama dalam menguruskan urusan keagamaan<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | |
| | (b) | (i) | **Empat syarat menjadi khalifah:**<br>1. Adil<br>2. Lelaki<br>3. Muslim<br>4. Berilmu<br>5. Berpengaruh<br>6. Berakhlak mulia<br>7. Sempurna mental dan fizikal<br>. | (2 X1 = 2m) |
| | | (ii) | **Sekiranya khalifah tidak melaksanakan tanggungjawab dengan betul ialah :**<br>1. Negara berada dalam keadaan huru-hara (1m) yang merugikan(1m)<br>2. Negara mundur dalam pelbagai aspek(1m) seperti ekonomi(1m)<br>3. Negara mudah diserang oleh musuh(1m) yang jahat.<br>4. Negara tidak mendapat keberkatan (1m) dari Allah swt.<br>5. Kezaliman/penyelewengan akan berleluasa (1m) tanpa sekatan(1m).<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | (2 X2 = 4m) |
| | (c) | (i) | **Dua sifat mulia yang perlu diamalkan bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.**<br>1. Kasih sayang sesama makhluk<br>2. Hormat menghormati antara satu sama lain<br>3. Saling memaafi antara satu sama lain | (2 X1 = 2m) |
| | | (ii) | **Cara memupuk sifat mulia dalam diri remaja sekarang**<br>1. Menambahkan ilmu / yang berguna / dengan sentiasa membaca buku-buku yang berfaedah / dengan itu akan menjadikan seseorang itu lebih berpengetahuan<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| 4 | (a) | (i) | **Sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia**<br>1. Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya / seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT / seperti tidak membazir dan sia-sia sebagai tanda kesyukuran kepada nikmat Allah SWT / kerana ianya sebenarnya adalah milik mutlak Allah SWT<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| | | (ii) | **Dua kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta:**<br>1. Harta semakin berkembang (1m) dengan cara yang halal(1m).<br>2. Mendapat ketenangan (1m) dalam hidup(1m).<br>3. Mendapat kebahagian hidup(1m) dunia dan akhirat(1m).<br>4. Dihormati oleh masyarakat (1m) kerana mengikut perintah agama(1m).<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | (2 X2 = 4m) |

<table>
<tr><td></td><td>b</td><td>(i)</td><td>Dua ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam:<br>1. Pekerjaan halal di sisi Allah SWT.<br>2. Pekerjaan yang tidak menganggu orang lain.<br>3. Pekerjaan yang tidak merbahayakan orang lain.<br>4. Pekerjaan yang tidak melalaikan ibadah kepada Allah.<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>(2X 1 = 2m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kebaikan pekerjaan yang halal:<br>1. Mendapat keredaan Allah SWT (1m) kerana menunaikan perntahnya(1m).<br>2. Menjadi contoh teladan (1m) kerana hidup bahagia(1m).<br>3. Negara bertambah maju(1m) kerana ramai berminat untuk melabur(1m).<br>4. Hidup aman (1m) kerana wujud kerjasama dalam masyarakat(1m).<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>(2X 2 = 4m)</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud fikah ialah<br>Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil syarak.</td><td>(1X 2 = 2m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua keperluan fikah dalam kehidupan seorang muslim:<br>1. Menentukan hukum Allah (1m) sesuai dilaksanakan pada setiap masa/tempat/keadaan(1m)<br>2. Memastikan umat Islam mematuhi peraturan-peraturan agama (1m) dengan betul(1m).<br>3. Memudahkan umat Islam berpegang dengan hukum agama(1m) dengan yakin(1m).<br>4. Meyakinkan umat Islam untuk melakukan ibadat(1m) dengan sempurna(1m).<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>(2X 2= 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua perbezaan antara qadha dengan fikah<br>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Fikah</th><th>Qadha</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Hukum amali yang dikeluarkan oleh para mujtahid</td><td>Hukum atau keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau pemerintah</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Sumbernya daripada dalil-dalil tafsili seperti al-Quran dan hadis</td><td>Sumbernya adalah daripada bukti yang nyata dalam perbicaraan</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Sentiasa berkembang mengikut perkembangan pemikiran manusia</td><td>Hanya berkembang jika terdapat kes-kes yang dibicarakan di mahkamah</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Mujtahid sahaja yang berkelayakkan untuk mengijtihadkan hukum daripada al-quran dan hadis</td><td>Keputusan qadha terletak ditangan hakim atau penguasa</td></tr>
</table></td><td>(2 X2 = 4m)</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua perkara yang boleh mengukuhkan ibadat:<br>1. Melaksanakan amalan-amalan sunat (1m) seperti solat sunat(1m).<br>2. Sentiasa berakhlak mulia (1m) seperti tolong menolong(1m)<br>3. Taat kepada pemerintah (1m) yang adil(1m)<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</td><td>(1 X2 = 2m)</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Implikasi pelanggaran hukum haram:**<br>1. Akan mendapat kemurkaan Allah SWT / dan balasan seksaan azab neraka di akhirat kelak / kerana melakukan perbuatan yang diharamkan / dengan itu akan menyebabkan kehidupan seseorang tidak akan tenang dan sentiasa berada dalam kegelisahan<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| | (c) | | **Pelaksanaan perundangan Islam dapat menyelesaikan masalah jenayah dalam Islam**<br>1. Hukuman sebat dan rejam / kepada penzina / dapat mengelakkan daripada berlakunya perzinaan dan persetubuhan haram secara berleluasa / dengan itu akan dapat menyelesaikan masalah anak luar nikah<br>2. Hukuman bunuh /kepada pembunuh / dapat memelihara nyawa dan anggota tubuh badan manusia daripada dicerobohi dengan sewenang-wenangnya / kesannya jenayah pembunuhan dapat dibendung dalam masyarakat<br>3. Hukuman potong tangan /kepada pencuri / adalah untuk mengelakkan masalah pencerobohan harta secara berleluasa /. Oleh itu harta manusia akan terjaga<br>4. Hukuman sebat / kepada peminum arak / adalah bagi memelihara kewarasan akal manusia daripada dirosakkan. / Dengan itu akan manusia akan terpelihara daripada dirosakkan<br>( Mana-mana jajwapan yang munasabah diterima ) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| 6 | (a) | (i) | **Dua sumber penyelesaian masalah**<br>1. Al-Quran<br>2. Al-Hadis<br>3. Al-Ijmak<br>4. Al-Qias | (2 X1 = 2m) |
| | | (ii) | **Sebab sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam**<br>1. Islam adalah bersifat Rabaniyyah / iaitu datang daripada Allah / melalui al-Quran dan Hadis / dengan itu kebenarannya adalah bersifat mutlak dan terhindar daripada sebarang kecacatan<br>2. Islam bersifat alamiyyah / iaitu sesuai sepanjang zaman, masa dan tempat / oleh itu penyelesaian secara Islam dapat digunapakai sepanjang masa / di semua tempat.<br>3. Islam adalah agama yang bersifat Syumuliyyah / iaitu lengkap dan sempurna / yang meliputi semua aspek kehidupan manusia samada di dunia maupun akhirat / kesannya penyelesaian masalah secara Islam dapat dilakukan secara menyeluruh.<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| | (b) | (i) | **Dua punca berlakunya kemiskinan dalam masyarakat:**<br>1. malas bekerja / menyebabkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap<br>2. tahap pendidkan yang rendah / menyebabkan mereka susah mendapat kerja<br>3. masalah kesihatan yang kronik / menyebabkan mereka tidak mampu unutkl bekerja<br>4. tiada peluang pekerjaan / disediakan dalam negara<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | (2X 2 = 4m) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (ii) | **Cara meningkatkan ekonomi keluarga**<br>1. melakukan kerja sambilan dirumah /seperi berniaga secara dalam talian/ dengan itu akan menambahkan pendapat keluarga<br>2. jimat dalam berbelanja dengan tidak membazir /dengan itu perbelanjaan keluarga akan berkurangan /dan wang yang lebih dapat disimpan untuk kegunaan di masa hadapan.<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | 2 isi<br>2 huraian<br>2 kesimpulan<br>= 6 markah |
| | (c) | | **Hukuman yang boleh dikenakan keatas Razali menurut hukuman jenayah Islam**<br>Razali boleh dijatuhkan hukuman hudud / iaitu disebat sebanyak 40 kali sebatan / kerana melakukan kesalahan yang boleh menghilangkan kewarasan akal / dengan itu akal Razali akan terjaga<br>(mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| 7 | (a) | (i) | **Dua ciri sistem sosial Islam**<br>1. Bersifat rabani iaitu dicipta oleh Allah SWT<br>2. Perhubungan sesama manusia adalah berdasarkan atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT.<br>3. Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam agar hidup lebih harmoni<br>4. Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia dalam pergaulan.<br>5. Sentiasa mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu.<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | (2 x 2 =4m) |
| | | (ii) | **Implikasi pengabaian tanggungjawab sosial kepada masyarakat:**<br>1. Perbalahan dan perpecahan keluarga / akan berlaku yang menyebabkan terlerainya kasih sayang / dengan itu menyebabkan masyarakat berpecah belah<br>2. Keharmonian masyarakat akan tergugat / yang menyebabkan berlakukanya tuduh menuduh dalam masyarakat / kesannya negara menjadi huru hara<br>3. Gejala sosial/ seperti jenayah akan berleluasa dalam masyarakat / menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan<br>(Mana-mana jawapan munasabah diterima) | 2 isi<br>2 huraian<br>2 kesimpulan<br>= 6 markah |
| | (b) | (i) | **Matlamat perundangan Islam untuk menjaga harta manusia akan tercapai**<br>1. Islam mensyariatkan hukum hudud / iaitu potong tangan kepada orang yang mencuri / dengan itu manusia lain tidak lagi berani untuk mencuri / kesannya harta benda manusia akan terjaga<br>2. Islam menyuruh umatnya supaya mencari harta / dengan cara yang halal / seperti melakukan perniagaan yang halal / kesannya harta yang diperolehi akan diberkati oleh Allah SWT dan terjaga kesuciannya<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | 1 isi<br>1 huraian<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br>= 4 markah |
| | (c) | (i) | **Maksud ibadat**<br>ibadat bermaksud kepatuhan kepada Allah SWT melalui perbuatan dan perkataan yang berlandaskan syariat Allah SWT serta mengakui dan meyakini bahawa Allah SWT sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan.<br>(mana-mana jawapan munasabah diterima) | (1X 2= 2m) |
| | | (ii) | **Dua syarat pekerjaan menjadi ibadat**<br>1. Melakukan pekerjaan yang halal dan bertepatan dengan kehendak syarak seperti tidak menipu semasa bekerja<br>2. Melakukan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT<br>( Mana-mana jawapan yang munasabah diterima ) | (2X 2= 2m) |

**SKIMA PEMARKAHAN TAMAT**